

01/01/2003

Hargai negara (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - "Malaysia adalah negara kita bersama. Di sinilah kita dilahir, di sinilah kita membesar, di sinilah kita mencari nafkah dan di sinilah kita akan menghembus nafas terakhir.

"Baik negara ini adalah kerana kita. Buruk negara ini adalah kerana kita juga. Kita boleh pilih. Bijak-bijaklah memilih kerana yang dipertaruhkan ialah hidup mati kita."

Itulah pesanan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan sempena Tahun Baru 2003 yang disiarkan RTM, malam ini.

Dalam perutusan tahun baru yang terakhir sebelum bersara Oktober ini, Perdana Menteri juga menasihatkan rakyat supaya yakin dengan kebolehan sendiri dan perancangan serta pendekatan kerajaan menangani masalah serta memajukan negara.

"Jika kita percaya kita boleh menyelamatkan negara kita daripada bencana yang melanda dunia sekarang, besar kemungkinan kita akan berjaya. Namun kita perlu pupuk budaya kerja dan etika yang sesuai dengan kejayaan.

"Pada waktu kita mencapai kemerdekaan, tidak terfikir kita akan maju ke tahap ini. Demikian juga apa yang kita kurang yakin akan dicapai oleh kita hari ini akan kita capai di masa hadapan jika kita berusaha bersungguh-sungguh, jika kita pelihara kestabilan dan keamanan negara kita," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri memberi amaran keras bahawa Malaysia akan bertindak terhadap sesiapa yang mencabul kebebasan negara ini dengan tindakan awalan atau pertahanan hadapan.

Dr Mahathir berkata, sudah ada negara yang bongkak dengan mendakwa mereka berhak untuk mengambil tindakan seumpama itu yang membabitkan Malaysia.

"Kita berjanji jika ada sesiapa mencabul kebebasan negara kita dengan tindakan pre-emptive (awalan) atau forward defence (pertahanan hadapan), mereka akan dapat apa yang disebut oleh Mat Saleh sebagai a bloody nose (padah).

"Kita tidak berjuang untuk membebaskan negara kita Malaysia supaya mereka boleh membuat apa saja yang mereka suka di negara ini. Ingatlah ketidakadilan dan bongkak seperti inilah yang menyebabkan Dr Mahathir berkata, walaupun Malaysia tidak boleh menggoncang atau memperbetulkan dunia, negara ini masih mampu secara relatif menentukan keselamatan, kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyatnya sendiri.

Beliau juga mengingatkan rakyat supaya berfikir sebelum melakukan keganasan bagi mengelak keadaan di negara ini turut menjadi sama buruk seperti negara lain.

"Negara ini bukan seperti negara tertentu yang memiliki kerajaan yang gagal, yang tidak dapat membangunkan negara, mengatasi kemiskinan dan menggunakan kekerasan untuk mengekalkan kuasa mereka," katanya.

Di Malaysia, katanya, rakyat boleh menukar kerajaan hanya dengan mengundi tanpa perlu melakukan keganasan untuk merebut kuasa.

"Ini kerana merebut kuasa secara ganas bermakna niat untuk mendirikan kerajaan kuku besi yang membelakangkan hak rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan hasil rebutan kuasa secara haram tetap zalim dan kerajaan yang zalim tetap akan mencetuskan huru-hara, kemerosotan ekonomi dan kelemahan negara yang akhirnya menyebabkan kebebasan lenyap dan negara dikuasai orang lain.

Beliau sedih kerana sesetengah rakyat menuntut kemudahan kelas satu tetapi hanya sanggup membayar harga kelas tiga.

"Sikap ini tidak sihat. Kita hanya mampu mengadakan kemudahan setakat yang mampu diadakan oleh negara yang masih membangun. Untuk ini kita perlu bayar bayaran yang setimpal.

"Jika kita tidak sanggup membayarnya, maka kita tidak boleh tuntutan untuk mendapat lebih daripada yang mampu kita bayar. Kita tidak boleh berlagak seperti orang kaya di negara maju, sedangkan kita belum maju seperti negara maju.

"Janganlah mengancam untuk mencetuskan huru-hara jika tuntutan tidak dilayan. Keburukan yang disebabkan huru-hara akan menaikkan lagi kos sehingga yang kita mampu pun boleh menjadi tidak mampu," katanya.

Dr Mahathir berkata, sebenarnya bayaran untuk khidmat dan kemudahan awam di negara ini amat rendah.

Beliau memberi contoh kadar bayaran tol Jambatan Pulau Pinang cuma RM10 bagi perjalanan pergi/balik, tetapi di Jepun, bayaran RM250 dikenakan untuk perjalanan sehala saja di jambatan yang lebih pendek.